

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصِيَامُ رَمَضَانَ. قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ؟ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ. قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الزَّكَاةَ. قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ. قَالَ فَادْبِرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أَرِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْتَقِصُ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ ﴿

44- Isma'il telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Malik bin Anas telah meriwayatkan kepadaku daripada bapa saudaranya Abi Suhail bin Malik daripada ayahnya bahawasanya dia telah mendengar Thalhah bin 'Ubaidillah berkata : Pernah datang seorang lelaki penduduk ^{sebuah kampung} Najd kepada Rasulullah SAW dalam keadaan tidak terurus rambutnya, kami dapat mendengar dengung suaranya tetapi kami tidak memahami apa yang diucapkannya, sehinggalah dia menghampiri kami. Rupa-rupanya dia bertanya tentang Islam. Maka Rasulullah SAW bersabda : "Lima sembahyang (perlu ditunaikan dalam) sehari semalam". Orang itu berkata : "Adakah apa-apa lagi yang wajib keatas saya?". Nabi SAW bersabda : Tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat. Rasulullah SAW berkata lagi: "dan berpuasa di bulan Ramadhan. Orang itu bertanya: "Adakah apa-apa lagi yang wajib ke atas saya?". Nabi SAW menjawab: "Tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat." Perawi berkata, dan Rasulullah SAW menyebutkan kepadanya tentang zakat. Orang itu bertanya: "Apakah tidak ada kewajiban lagi atas diriku selain yang disebut itu?". Nabi SAW menjawab: tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat. Perawi berkata: maka lelaki itu pun pergi sambil berkata: "Demi Allah, aku tidak akan menambah dan mengurangi apa-apa yang telah diwajibkan itu. Nabi SAW pun bersabda: " Dia pasti berjaya, jika apa yang dikatakannya tadi benar-benar dilaksanakan".

بَابُ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ مِنَ الْإِيمَانِ

35. Bab : Mengiringi Jenazah adalah Sebahagian Daripada Iman.

٤٥ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ الْمَنْجُورِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا رَوْحٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ الْحَسَنِ وَمُحَمَّدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ؓ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ اتَّبَعَ جَنَازَةَ مُسْلِمٍ إِيْمَانًا وَاحْسِنَابًا وَكَانَ مَعَهُ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهَا وَيُفْرَغَ مِنْ دَفْنِهَا فَإِنَّهُ يَرْجِعُ مِنَ

الْأَجْرِ بِقِرَاطَيْنِ كُلُّ قِرَاطٍ مِثْلُ أُحُدٍ . وَمَنْ صَلَّى عَلَيْهَا ثُمَّ رَجَعَ قَبْلَ أَنْ تُدْفَنَ فَإِنَّهُ يَرْجِعُ بِقِرَاطٍ ۖ تَابِعَهُ عُمَرَانُ الْمُؤَدِّنُ قَالَ حَدَّثَنَا
عَوْفٌ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَهُ

45- Ahmad bin `Abdillah bin `Ali al- Manjufi telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Rauh telah meriwayatkan kepada kami, katanya, `Auf telah meriwayatkan kepada kami daripada al-Hasan dan Muhammad daripada Abi Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda : "Sesiapa yang mengiringi jenazah orang Islam dengan penuh keimanan dan keikhlasan serta tetap bersama sehingga selesai menyembahyangkan jenazah itu dan mengebumikannya, maka dia akan pulang membawa pahala dua qirat (pahala). Setiap satu qirat adalah seperti bukit Uhud. Dan sesiapa yang menyembahyangkannya kemudian pulang sebelum jenazah itu dikebumikan, maka dia akan membawa pulang satu qirat pahala sahaja.

Uthman al-Muazzin merupakan Mutabi`nya. Dia berkata: "Auf telah meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad daripada Abi Hurairah daripada Nabi SAW maksud hadits ini.

بَابُ خَوْفِ الْمُؤْمِنِ مِنْ أَنْ يَحْبُطَ عَمَلُهُ وَهُوَ لَا يَشْعُرُ وَقَالَ إِبْرَاهِيمُ التَّيْمِيُّ مَا عَرَضْتُ قَوْلِي عَلَى عَمَلِي إِلَّا خَشِيتُ أَنْ
أَكُونَ مُكَذِّبًا وَقَالَ ابْنُ أَبِي مُلَيْكَةَ أَذْرَكْتُ ثَلَاثِينَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّهُمْ يَخَافُ التَّفَاقُ عَلَى
نَفْسِهِ مَا مِنْهُمْ أَحَدٌ يَقُولُ إِنَّهُ عَلَى إِيْمَانٍ جَبْرِيْلٍ وَمِيكَائِيْلٍ وَيُذَكِّرُهُنَّ الْحَسَنُ مَا خَافَهُ إِلَّا مُؤْمِنٌ وَلَا أَمِنَهُ إِلَّا مُنَافِقٌ وَمَا
يُحَذِّرُ مِنَ الْإِصْرَارِ عَلَى التَّفَاقِ وَالْعَصْيَانِ مِنْ غَيْرِ نُبُوَّةٍ لِقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (وَلَمْ يَصِرُوا عَلَى مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ)

36. Bab : Kebimbangan Orang Mukmin Akan Terhapus Amalannya Tanpa Disadari.

Ibrahim Al-Taimi Berkata: Tidak Aku Rentangkan Kata-Kataku Atas Amalanku Melainkan Aku Bimbangi Aku Menjadi Pendusta.

Ibn Abu Mulaikah Berkata: Aku Bertemu Dengan Tiga Puluh Orang Sahabat Rasulullah Saw, Semua Mereka Bimbang Berlaku Nifaq Pada Diri Mereka, Tidak Ada Sesiapapun Antara Mereka

